

PERSOALAN SERING DITANYA (FREQUENTLY ASK QUESTION)

1. **Bilakah permohonan *online* dibuka dan tarikh tutup permohonan ?**
Permohonan *online* dibuka mulai 11 Oktober 2016 dan tarikh tutup permohonan pada 25 Disember 2016, jam 11.59 malam di laman sesawang KPM, <http://www.moe.gov.my>.
2. **Apakah jenis program yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia?**
Berikut merupakan program yang ditawarkan :
 - i. Program KV (menjurus kepada Diploma) di KV/ILKA/ILKS
 - ii. Aliran Teknikal - Sekolah Menengah Teknik
 - iii. Program Kemahiran / *Apprenticeship* di ILKA
3. **Nyatakan Institusi yang terlibat?**
Rujuk Info Institusi tawar di halaman utama (**info kemasukan**)
4. **Apakah bidang dan kursus yang ditawarkan?**
Kursus dan bidang yang ditawarkan boleh disemak dalam maklumat institusi dan kursus tawar yang disediakan di halaman utama (**info kemasukan**)
5. **Apakah syarat umum dan khusus yang ditetapkan?**
Syarat umum dan khusus boleh disemak dalam syarat permohonan yang disediakan di paparan muka hadapan *online* (**info kemasukan**)
6. **Adakah asrama disediakan?**
Asrama disediakan berdasarkan program dan institusi yang akan ditawarkan serta bergantung kepada kapasiti asrama.
7. **Adakah Pusat GIATMARA menyediakan kemudahan asrama?**
Tidak, Pusat GIATMARA tidak menyediakan kemudahan asrama.
8. **Bagaimana cara untuk menyemak keputusan?**
 - Calon boleh menyemak keputusan dalam laman sesawang KPM, di alamat <http://www.moe.gov.my> mulai 16 Januari hingga 22 Januari 2017 .
 - Calon disarankan agar sentiasa melayari laman sesawang KPM bagi mendapatkan info terkini.

9. Apakah perbezaan antara Murid Tingkatan 3 Lepas Pendidikan Asas Vokasional (PAV) & Murid Lepas Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) – Aliran Perdana / Akademik / Agama ?

Murid Lepas PAV	Murid Lepas PBS
Murid telah mengikuti asas vokasional mulai Tingkatan Satu (1) di SMK yang menawarkan PAV	Murid menduduki PBS yang merangkumi 4 komponen iaitu : <ul style="list-style-type: none">• Pentaksiran Pusat (PT3)• Pentaksiran Sekolah (PS)• Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)• Pentaksiran Psikometrik (PPsi)

10. Adakah calon Murid Tingkatan 3 Lepas PBS dikehendaki mengisi 4 komponen PBS dalam permohonan *online* ?

Calon hanya dikehendaki mengisi butiran berikut :

- Pentaksiran Sekolah (PS)
- Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)
- Pentaksiran Psikometrik (PPsi)

Manakala, keputusan Pentaksiran Pusat (PT3) tidak perlu diisi butirannya dan akan terus diperolehi daripada Lembaga Peperiksaan (LP), KPM

11. Bilakah tarikh dan waktu pendaftaran ?

Tarikh pendaftaran di institusi ialah pada **23 Januari 2017**.

12. Adakah rayuan boleh dibuat sekiranya TIDAK BERJAYA DITAWARKAN?

Calon boleh hadir terus atau menghubungi pihak institusi yang terlibat untuk membuat rayuan **mulai 24 Januari hingga 28 Februari 2017**.

13. Bagaimana cara untuk mengetahui maklumat lanjut kursus yang ditawarkan?

Maklumat lanjut berkaitan program tersebut boleh diperolehi dalam info kursus di bahagian info kemasukan.